

**PENGLIBATAN BELIA DALAM AKTIVITI
RAKAN MUDA DI BANDAR SRI AMAN**

OLEH:

ABG IZHAR B HJ ABG AHMAD	98440733
AWG SAIFULDIN B AWW HOOD	98440758
SUBHI B AHMAD	988441189

Kertas Kajian ini adalah dikemukakan kepada Fakulti Pentadbiran Dan Undang-Undang,
Universiti Teknologi MARA, Kampus Samarahan bagi memenuhi sebahagian daripada
syarat untuk memperoleh Diploma Pentadbiran Awam

**FAKULTI PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
KAMPUS SAMARAHAN**

SEPTEMBER 2001

SENARAI ISI KANDUNGAN

Surat penyerahan	i	
Perutusan	iii	
Penghargaan	v	
Senarai Isi Kandungan	vii	
Senarai Jadual	ix	
Senarai Carta	x	
1	<i>Bab 1</i>	
1.1	Pengenalan	1
1.2	Definisi	4
1.3	Objektif Kajian	5
1.4	Skop Penyelidikan	9
1.5	Andaian	11
1.6	Batasan Kajian	12
2	<i>Bab 2</i>	
2.1	Tinjauan Karya	14
2.2	Latarbelakang Kajian	18
3	<i>Bab 3</i>	
3.1	Metadologi Kajian	21
3.2	Saiz Sampel	24
3.3	Teknik Persampelan	25
3.4	Pengumpulan Maklumat	26
	a) Data Premier	26
	b) Data Sekumder	27
4	<i>Bab 4</i>	
4.1	Profail Responden	30
4.2	Penemuan	31
	a) Umur Responden	32
	b) Jantina	34
	c) Taraf Pendidikan	38
	d) Status Pekerjaan	41

BAB 1

1.1 Pengenalan

Belia masa kini mempunyai banyak masa yang terluang yang kadang-kadang tidak terisi atau diisi dengan sesuatu yang bermanfaat. Bagi kebanyakan para belia di Malaysia, keadaan masa lenggang banyak dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti jadual kerja, harian yang longgar, ketiadaan sumber-sumber rekreasi untuk mengisi minat atau tidak mempunyai satu apapun pekerjaan.

Rakan muda merupakan satu aktiviti belia yang dikhaskan oleh Kementerian Belia dan Sukan dalam mengatasi permasalahan belia yang banyak melanda belia pada masa sekarang. Program Rakan Muda yang dilancarkan pada tahun 1990. Meliputi 10 gaya hidup yang menjadi sasaran dan aspirasi golongan belia masa kini. Gaya-gaya hidup ini merupakan satu gaya hidup yang mampu mencetus minat para belia dalam mengisi masa lapang dengan aktiviti-aktiviti yang berfaedah.

Program Rakan Muda telah menimbulkan minat yang mendalam dikalangan belia. Dengan itu, kajian kami akan meninjau penglibatan para belia didalam program Rakan Muda di bandar Sri Aman, Sarawak.

1.2 Definisi

Di dalam Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, "*belia*" membawa maksud muda, muda remaja, pemuda, golongan muda secara keseluruhannya mahupun lelaki ataupun perempuan, pemuda dan pemudi.

Mengikut tafsiran Kementerian Belia dan Sukan, "*belia*" membawa maksud mereka yang berusia antara 16 tahun hingga 40 tahun. Dalam lingkungan umur ini juga, ada ditafsirkan bahawa setiap peringkat umur yang dinyatakan akan mempunyai pelbagai minat yang ingin mereka ceburi. Tidak semestinya setiap yang tua hanya akan menyertai aktiviti-aktiviti yang hanya memerlukan minda dan daya pemikiran sahaja. Bahkan setiap pengalaman mereka yang sudah berumur amat berguna didalam bidang masing-masing.

Maka dengan ini, Kementerian Belia dan Sukan, telah mentakrifkan bahawa golongan yang dianggap sebagai belia ialah mereka yang berumur 16 hingga 40 tahun. Bukan itu sahaja, Kementerian Perpaduan Negara, melalui menterinya menyatakan bahawa mereka yang akan berada didalam program jiran muda yang mereka anjurkan akan meliputi golongan umur 12 hingga 40 tahun juga. Maka dengan ini amat yakinlah kita bahawa, peringkat umur yang dinyatakan sebagai belia adalah jelas daripada umur 16 hingga 40 tahun

1.3 Objektif Kajian

Dalam bahagian ini kami telah menjadikan 3 objektif utama yang kami hendak capai di dalam kajian yang kami lakukan. Dengan menggunakan 3 objektif kajian ini juga, maka kami akan dapat memastikan bahawa kajian yang kami jalankan memenuhi apa yang kami kehendaki ataupun sebaliknya.

Untuk objektif yang pertama, iaitu untuk mengenalpasti tahap serta penglibatan belia dan beliawanis dalam program-program Rakan Muda. Melalui objektif ini, kami akan mengenalpasti tahap penglibatan belia di bahagian Sri Aman yang terlibat secara langsung dengan setiap program-program Rakan Muda yang dijalankan. Dengan maksud yang lebih teliti, ia akan menyatakan, adakah belia dan beliawanis di bahagian Sri Aman terlibat dengan aktif ataupun tidak secara aktif dan juga secara langsung ataupun sebaliknya. Ini adalah penting kerana ia akan menunjukkan tahap dan penglibatan mereka ini didalam setiap program yang dianjurkan oleh Kementerian Belia dan Sukan.

Tidak dapat dinafikan bahawa, melalui tahap penglibatan mereka ini, setiap program yang dianjurkan akan memenuhi matlamat yang kerajaan inginkan. Ini adalah kerana, program rakan muda adalah satu bentuk 'titik' yang akan mencorakkan minda dan juga tingkahlaku mereka secara tidak langsung.